

UiTM diberi cuti hari ini

UM 27 AUG 2003

SHAH ALAM 26 Ogos
Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengumumkan cuti satu hari esok bagi semua warga Universiti Teknologi Mara (UiTM) di sini.

Perdana Menteri berkata, beliau mengumumkan cuti itu, kerana ia kali terakhir beliau berucap sebagai Perdana Menteri di hadapan pelajar-pelajar UiTM pada malam ini.

“Saya umumkan cuti satu hari esok supaya pelajar-pelajar boleh duduk belajar dalam bilik,” katanya ketika merasmikan Festival Kemerdekaan UiTM 2003 dan pecah tanah kampus induk UiTM Shah Alam 2 di Stadium UiTM di sini malam ini.

Kata Dr. Mahathir, pada tahun lalu beliau mengumumkan cuti satu hari kepada warga universiti itu yang menghadiri festival kemerdekaan di stadium tersebut dalam suasana hari hujan.

“Walaupun malam ini tidak hujan tetapi saya umumkan cuti esok hari sebab ini kali terakhir saya berucap sebagai Perdana Menteri kepada pelajar-pelajar UiTM”, katanya.